



**JOHNNY** menyampaikan cenderamata kepada ketua projek.

# UMS komited jalin kerjasama di luar bandar

UB 7.7.2014 A3

RANAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa komited dalam menjalankan program jalinan kerjasama universiti-komuniti di luar bandar dalam usaha mencapai objektif meneroka, memelihara dan memanfaatkan ilmu dengan berkesan untuk pembangunan masyarakat dan negara.

Terbaharu, 'Projek Pembangunan Objek Pembelajaran Berasaskan ICT Melalui Kaedah Asli untuk Sekolah Rendah Luar Bandar' dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Bundu Tuhan, di sini.

Projek itu diketuai pensyarah Yoon Sook Jhee dan melibatkan 15 pelajar tahun dua dan tiga daripada program Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS

yang berkampung selama seminggu, bermula 30 Jun lalu di sekolah berkenaan.

Menurut Dekan FPP Prof Dr Ismail Ibrahim, projek itu yang ditaja Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) antara lain bertujuan mengkaji keberkesanan objek pembelajaran yang dibina untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

"Penggunaan objek pembelajaran yang berasaskan ICT ini melibatkan pelbagai elemen multimedia seperti animasi, muzik dan grafik. Program ini juga adalah bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah.

"Saya berharap program ini dapat

memberi manfaat kepada murid-murid dan guru-guru SK Bundu Tuhan dalam mempelbagaikan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris," katanya ketika merasmikan majlis penutupan projek itu. Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FPP Dr Suyansah Swanto.

Sementara itu, Guru Besar SK Bundu Tuhan Johnny Ghani menjelaskan program yang dijalankan di sekolah berkenaan dilihat berkesan dalam merangsang keinginan murid-murid di sekolahnya untuk mempelajari dan menyukai Bahasa Inggeris.

Katanya, keriangannya yang terpancar di wajah murid-murid prasekolah sehingga pelajar Tahun 3 yang terlibat dalam projek itu jelas menggambarkan betapa mereka selesa untuk dibimbing

oleh para pelajar UMS yang sudi mencurahkan ilmu dan pengalaman pengajaran selama seminggu.

"Walaupun sekolah ini agak ketinggalan daripada aspek infrastruktur, namun dalam aspek akademik tidak jauh bezanya dengan sekolah lain. Bimbingan seumpama ini mampu meningkatkan lagi tahap akademik murid-murid sekolah ini.

"Kehadiran para pensyarah dan pelajar UMS ke sini juga ternyata memberi inspirasi kepada pihak SK Bundu Tuhan untuk mencapai kecemerlangan berterusan," katanya.

Tambahnya, pihak SK Bundu Tuhan sentiasa sedia bekerjasama untuk menjalankan apa-apa program sama ada dengan UMS atau institusi pendidikan lain demi kecemerlangan pendidikan kanak-kanak di daerah ini.